

Pilih jawapan berimbuan yang betul.

Laporan Aktiviti Gotong-Royong SK Serdang Baru 2

Unit beruniform SK Serdang Baru 2 telah (1) (mengadakan / diadakan) gotongroyong di sekolah. Antara unit beruniform yang (2) (melibatkan / terlibat) ialah Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kadet Remaja.

Semua murid (3) (membahagikan / dibahagikan) kepada empat kumpulan. Kumpulan pertama diketuai oleh Cikgu Alia. Mereka (4) (menugaskan / ditugaskan) membersihkan habuk, mengelap tingkap dan membuang sampah. Kumpulan kedua diketuai oleh Cikgu Wahidah. Mereka ditugaskan untuk (5) (membaiki / dibaiki) perabot-perabot sekolah yang telah rosak.

Tugas kumpulan ketiga pula ialah membersihkan longkang-longkang yang (6) (disumbat / tersumbat) dan dipenuhi sampah sarap. Kumpulan ini diketuai oleh Cikgu Rahimin. Kumpulan (7) (berakhir / terakhir) iaitu kumpulan keempat diketuai oleh Cikgu Julia ditugaskan untuk membuat mural di dinding untuk (8) (mencantik / mencantikkan) lagi sekolah.

Semua murid dan guru memberi kerjasama dalam (9) (diselesaikan / menyelesaikan) tugas masing-masing. Aktiviti gotong-royong tamat pada pukul 12.00 tengah hari. Guru Besar (10) (mengucapkan / berucap) terima kasih kepada murid-murid yang terlibat.

Disediakan oleh,

24 JULAI 2021.

Amzlina

(AMALINA AHMAD)

Setiausaha,

Aktiviti Gotong-Royong SK Serdang Baru 2.

